

21 MAY 1996

Mahathir-Shultz

AS BOLEH CONTOHI WAWASAN 2020, KATA BEKAS SETIAUSAHA NEGARA

Oleh: Salmy Hashim

SAN FRANCISCO, 21 Mei (Bernama) -- Gaya kepimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dikagumi oleh bekas Setiausaha Negara Amerika Syarikat (AS) George Shultz, yang memuji Perdana Menteri Malaysia kerana memimpin negara ke arah pertumbuhan yang dinamik melalui wawasan 2020.

Shultz yang berkhidmat dengan pentadbiran Reagan berkata, 2020 merupakan "idea yang sangat penting".

"Kita boleh belajar daripadanya -- tahu ke mana kita hendak tuju," kata beliau semasa memperkenalkan Perdana Menteri kepada lebih kurang 200 ahli-ahli perniagaan AS dan Malaysia yang menghadiri persidangan sehari bertemakan "Malaysia-A.S: Rakan Kongsi Perniagaan dan Teknologi" yang dianjurkan oleh Institut Strategi dan Kepimpinan Asia (Asli) dan Majlis Ekonomi Lembangan Pasifik (PBEC) Malaysia.

"Andalah pemimpin. Andalah yang meletakkan idea di tempat yang betul dan memberi buah fikiran untuk melaksanakan idea-idea itu. Akhirnya itulah penting bagi rakyat," kata beliau.

Shultz mengimbas semula sikap ramah mesra rakyat Malaysia semasa beliau melawat Kuala Lumpur pada ketika itu sebagai Setiausaha Perbendaharaan untuk menghadiri mesyuarat Bank Pembangunan Asia.

"Saya telah melihat dengan mata sendiri apa yang berlaku," dan kagum dengan perubahan yang berlaku di negara ini.

Shultz memberitahu Dr Mahathir supaya terlalu bimbang dengan kata-kata mengenai halangan perdagangan di AS.. Calon presiden seperti Pat Buchanan yang memilih platform itu "tidak sampai ke mana-mana", kata beliau.

Di majlis taklimat bagi pemberita selepas ucapannya itu, Perdana Menteri berkata, eksekutif syarikat-syarikat teknologi tinggi di Jepun menunjukkan minat menyertai projek komunikasi Malaysia yang dikenali sebagai Koridor Super Multimedia (MSC) yang akan menggunakan idea terbaik Jepun dan AS.

Dr Mahathir tiba di sini dari Jepun pada Sabtu lepas untuk berucap di dua persidangan perniagaan dan menemui ahli-ahli perniagaan di San Francisco dan Washington DC.

Beliau berkata, syarikat-syarikat Jepun melihat MSC sebagai peluang terbaik untuk menjual perisian dan perkakasan komputer. Beliau tidak dapat menilai minat Amerika dengan idea itu setakat ini kerana kata beliau "saya mempunyai hubungan terhad dengan mereka kerana kesuntukan masa".

Sementara berada di sini, Dr Mahathir melawat ibu pejabat korporat Sun Microsystems yang mana beliau melihat demonstrasi audio, video dan teknologi animasi yang terkini di kenali sebagai "Java".

Sun Microsystems nampaknya berminat dengan projek MSC dan mahukan peranan dalam membangunkan lembah silikon Malaysia, katanya lagi. --

BERNAMA

SH CTL PR